

**Kerajaan Disaran Laksana Kajian Untuk Gubal Sistem Subsidi Baharu
Bernama
5 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Kerajaan disaran melaksanakan kajian untuk menambah baik sistem subsidi dan memastikan hanya yang benar-benar layak menerima keistimewaan itu.

Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin berkata sistem sedia ada perlu dihentikan kerana mereka yang tidak sepatutnya turut mendapat manfaat daripada usaha kerajaan membantu rakyat tidak berkemampuan.

Jika sistem yang lebih efisien dilaksana, peruntukan subsidi yang sekarang dinikmati golongan tidak sepatutnya boleh dimanfaatkan untuk pembangunan negara, katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Parti-parti Politik Asia (ICAPP), di sini Jumaat.

Beliau juga berkata kajian perlu agar rakyat "tidak terkejut" jika pemberian subsidi diberhentikan secara tiba-tiba.

Pada 20 Jan lalu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dilaporkan berkata kerajaan dijangka menanggung bebanan subsidi berjumlah RM18.92 bilion bagi barang-barang kawalan bersubsidi pada tahun ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=699865>